

22 Nov 2017

# PKNS, Politeknik Shah Alam ungguli Anugerah Rendah Karbon 2017

- [PBTSELANGOR](#)
- [November 22, 2017 4:51 pm](#)
- 36

OLEH SABIRAH AZIZ

SHAH ALAM, 22 NOV: Ibu Pejabat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Politeknik Shah Alam masing-masing mengungguli Anugerah Rendah Karbon dalam kategori bangunan dan inovasi.

Anugerah disampaikan Datuk Bandar Shah Alam, Dato' Ahmad Zaharin Mohd Saad pada Majlis Penyampaian Anugerah Rendah Karbon Shah Alam 2017 di sini, hari ini.

Pada majlis itu, ibu pejabat PKNS mewakili kerajaan memenangi tempat pertama bagi kategori Bangunan Rendah Karbon dan Inovasi Rendah Karbon dengan membawa pulang hadiah wang tunai RM6,000.

Politeknik Shah Alam pula mengungguli Anugerah Inovasi Rendah Karbon dan Anugerah Senario Rendah Karbon mewakili institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dengan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM12,000.

Antara projek yang dihasilkan institusi terbabit ialah mesin ‘gedegang’ kitar semula, ‘portable solar kit’ (kit solar mudah alih) dan tekad capai ‘Zero Waste’.

Ahmad Zaharin berkata, MBSA adalah pihak berkuasa tempatan pertama di Selangor menganjurkan pertandingan seumpama itu melibatkan pelbagai pihak termasuk komuniti Shah Alam.

“Anugerah ini untuk menghargai organisasi dan individu terlibat selain landasan bagi menggalakkkan masyarakat meningkatkan kualiti hidup rendah karbon melalui pelaksanaan program hijau secara berterusan menggunakan elemen rendah karbon.

“Menerusi pertandingan ini, MBSA menerima 53 penyertaan daripada pelbagai sektor dan agensi.

“Penyertaan pelbagai organisasi ini menjadi contoh kepada organisasi lain menyahut cabaran untuk melahirkan bandaraya lestari, mampan dan mempunyai persekitaran baik,” katanya ketika berucap pada majlis itu.

Pertandingan bermula pada 18 Mei hingga 15 Oktober itu selari usaha MBSA mencapai kadar pembebasan karbon dioksida di kawasan pusat bandar Shah Alam dengan pengurangan 30 peratus menjelang 2030.

=EZY=

Link berita : <https://selangorkini.my/2017/11/pkns-politeknik-shah-alam-ungguli-anugerah-rendah-karbon-2017/>